KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

Lombong biji besi haram di hutan Pahang

Sinar,9 Okt 2021_13

Tujuh jentera ditemui dipercayai digunakan dalam aktiviti perlombongan di Hutan Simpan Ibam

Oleh NORAWAZNI YUSOF

MUADZAM SHAH

RASUAH BUSTERS

Kegiatan melombong bijih besi secara haram di atas tanah seluas dua hektar di kompartmen 220 Hutan Simpan Ibam, Rompin dikesan pihak Pejabat Hutan Daerah (PHD) Rompin pada Khamis.

Pegawai PHD Rompin, Shairani Mamat berkata, kegiatan terbabit terbongkar selepas rondaan dilakukan pasukan penguat kuasa daerah itu yang menemui tujuh jentera dipercayai digunakan untuk kerja-kerja melombong dalam hutan tersebut.

Menurutnya, siasatan mendapati syarikat yang terbabit ada membuat permohonan kerja melombong bijih besi tetapi masih belum diluluskan.

"Kalau ikutkan, kawasan melombong itu di luar kawasan yang dipohon syarikat terbabit untuk mendapatkan lesen. Jadi, syarikat itu didapati menceroboh hutan seluas kira-kira dua hektar.

"Kita difahamkan aktiviti melombong masih di peringkat awal (dipercayai masih baharu) dan telah dilakukan oleh 10 hingga 15 individu," katanya pada Jumaat.

Rondaan itu dilakukan sepasukan penguatkuasaan diketuai Penolong Pemelihara Hutan Kanan I, Ahmad Aizuddin Hashim bersama 12 kakitangan termasuk anggota Unit Penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Pahang Timur.

Shairani menjelaskan, pihaknya gagal mengesan pihak yang menjalankan aktiviti melombong secara haram itu kerana dipercayai bersembunyi dalam hutan.

Beliau berkata, pemeriksaan di kawasan lombong terbabit telah menemukan tiga buah lori dan empat jengkaut yang dipercayai digunakan untuk melakukan kegiatan 'membersih' kawasan serta memindahkan bahan galian di situ.

"Kita telah sita tujuh jentera dan disimpan di pusat simpanan barangan rampasan JPNP di Pejabat Ladang Hutan Kemasuk, Temerloh," ujarnya.

Shairani berkata, Hutan Simpan Ibam menjadi tumpuan kegiatan melombong bijih besi dan emas.

Justeru, rondaan anggota penguat kuasa JPNP Pahang Timur dan Unit Tindakan Khas PHD Rompin dilakukan dari masa ke masa.

Bagaimanapun, pihaknya mengharapkan kerjasama orang awam untuk memberi maklumat mengenai kegiatan yang menyalahi undang-undang terutama membabitkan kawasan hutan simpan di daerah itu.

FOTO: IHSAN JPNP



Anggota penguat kuasa JPNP Pahang Timur menyita jengkaut yang digunakan untuk aktiviti melombong bijih besi secara haram di Hutan Simpan Ibam, Rompin.